

SOALAN LAZIM
KEMPEN GANJARAN KESETIAAN SIMPAN SSPN PRIME 2025

1. Soalan:

Apakah yang dimaksudkan dengan kempen **Ganjaran Kesetiaan Simpan SSPN Prime 2025**?

Jawapan:

Kempen **Ganjaran Kesetiaan Simpan SSPN Prime 2025** adalah kempen di mana PTPTN menghargai **pendeposit yang kekal setia** dengan produk Simpan SSPN Prime dan membuat simpanan dalam jangka masa panjang.

2. Soalan:

Apakah itu **Ganjaran Kesetiaan (GK)**?

Jawapan:

Ganjaran Kesetiaan (GK) merupakan ganjaran tambahan yang berbeza dengan dividen, ganjaran ini diberikan ke atas simpanan tahun semasa yang dibuat dalam tempoh kempen.

3. Soalan:

Bilakah kempen ini akan bermula?

Jawapan:

Kempen ini akan bermula pada **1 Mei 2025** dan **berakhir pada 31 Julai 2025**.

4. Soalan:

Siapakah yang layak untuk menyertai kempen ini?

Jawapan:

Kempen ini terbuka untuk pendeposit **Simpan SSPN Prime** yang mempunyai akaun dan memenuhi kriteria berikut:-

- i. Pendeposit merupakan **warganegara Malaysia**.
- ii. Terbuka kepada pendeposit yang **membuka akaun pada tahun 2004 sehingga 31 Disember 2021** ("akaun yang layak").
- iii. Membuat penambahan simpanan* terkumpul (tidak termasuk dividen tahun semasa) **minimum RM1,000** di dalam **akaun yang layak menyertai GK**. Akaun tersebut mestilah **AKTIF** serta **TIDAK DITUTUP** sehingga tarikh pengkreditan GK dan memenuhi terma dan syarat GK.

5. Soalan:

Bagaimanakah pendeposit boleh membuat semakan **akaun yang LAYAK** sertai GK?

Jawapan:

Akaun layak GK boleh disemak dipautan

<https://www.ptptn.gov.my/GanjaranKesetiaan2025/Utama> kelayakan yang dipaparkan adalah layak dan sah sehingga 28 April 2025.

6. **Soalan:**
Berapakah kadar GK yang ditawarkan pada tahun ini?

Jawapan:

Kadar GK yang ditawarkan pada tahun ini adalah sebanyak **1% atas simpanan** yang dibuat, manakala jumlah maksimum GK yang akan dikreditkan ke dalam akaun yang layak adalah **RM8,000 untuk setiap akaun**, tertakluk kepada jumlah sebenar simpanan yang dibuat dalam tempoh kempen.

7. **Soalan:**
Apakah yang dimaksudkan dengan **simpanan**?

Jawapan:

Simpanan merujuk kepada penambahan yang dilakukan oleh pendeposit dalam tempoh kempen, tetapi tidak termasuk hadiah tunai cabutan kempen yang tidak layak untuk pelepasan taksiran cukai pendapatan.

8. **Soalan:**
Adakah hadiah tunai cabutan yang dimenangi oleh pemenang bagi kempen-kempen yang dianjurkan oleh PTPTN, layak dikira sebagai penambahan simpanan untuk menyertai kempen ini?

Jawapan:

TIDAK LAYAK, pendeposit hendaklah membuat penambahan simpanan* terkumpul (tidak termasuk dividen tahun semasa) **minimum RM1,000** di dalam **akaun yang layak menyertai GK**. Akaun tersebut mestilah **AKTIF** serta **TIDAK DITUTUP** sehingga tarikh pengkreditan GK dan memenuhi terma dan syarat GK.

9. **Soalan:**
Sekiranya pendeposit membuat penambahan simpanan pada akaun yang layak GK, tetapi penerima manfaat telah mencapai/ melebihi umur 29 tahun, adakah pendeposit layak mendapat GK?

Jawapan:

TIDAK LAYAK, ini kerana mengambil kira polisi Simpan SSPN bahawa sekiranya penerima manfaat telah mencapai/ melebihi umur 29 tahun, pendeposit hendaklah membuat penutupan akaun atas nama penerima manfaat tersebut.

10. **Soalan:**
Adakah pendeposit **LAYAK** menerima GK sekiranya pendeposit telah membuat pengeluaran simpanan di dalam tempoh kempen atau semasa tempoh pengekalan daripada akaun yang dibuat penambahan simpanan dalam tempoh kempen?

Jawapan:

Kelayakan GK adalah seperti berikut:

Bil	Perkara	Kelayakan GK
1	Pengeluaran simpanan dari akaun tidak layak GK semasa tempoh pengekalan sahaja	Layak
2	Pengeluaran simpanan dari akaun layak GK semasa tempoh kempen sahaja	Tidak Layak

3	Pengeluaran simpanan dari akaun tidak layak GK semasa tempoh kempen sahaja	Tidak Layak
Bil	Perkara	Kelayakan GK
4	Pengeluaran simpanan dari akaun layak GK semasa tempoh pengekalan sahaja	Tidak Layak
5	Pengeluaran simpanan dari akaun layak dan tidak layak GK semasa tempoh kempen sahaja	Tidak Layak
6	Simpanan yang dibuat pada akaun yang DITUTUP	Tidak Layak

11. Soalan:

Adakah pendeposit boleh membuat penutupan pada akaun layak selepas tempoh pengekalan?

Jawapan:

Pendeposit tidak dibenarkan membuat penutupan akaun kerana ianya akan mengganggu proses pengkreditkan GK pada akaun yang layak.

12. Soalan:

Sekiranya berlaku kematian pendeposit dalam tempoh kempen/ pengekalan/ GK dikreditkan, adakah akaun tersebut masih **LAYAK** untuk menerima GK?

Jawapan:

Akaun masih **LAYAK** untuk menerima GK sekiranya memenuhi terma & syarat.

13. Soalan:

Sekiranya berlaku kematian pendeposit sebelum tempoh kempen, adakah akaun tersebut masih layak untuk menerima GK?

Jawapan:

TIDAK LAYAK, walaupun akaun masih aktif dan waris masih belum membuat tuntutan takaful kepada pihak PTPTN adalah tidak dibenarkan melakukan penambahan simpanan untuk menyertai kempen ini dan sama sekali **TIDAK LAYAK** mendapat GK.

14. Soalan:

Adakah pendeposit layak menerima GK sekiranya telah mengeluarkan wang daripada akaun Simpan SSPN Prime yang lain (**akaun yang tidak layak menerima GK**) semasa tempoh kempen berlangsung?

Jawapan:

TIDAK LAYAK, kerana ia dikira pengeluaran di bawah pendeposit yang sama.

15. Soalan:

Bilakah pemberian GK akan dikreditkan ke dalam akaun yang layak?

Jawapan:

Pemberian GK ini adalah secara automatik dan akan dikreditkan ke dalam akaun yang layak pada bulan Disember 2025. Pendeposit hendaklah memastikan **tidak menutup akaun** yang layak sehingga GK dikreditkan.

- 16. Soalan:**
Adakah GK layak dividen tahunan?
- Jawapan:**
LAYAK, ini merupakan nilai tambah yang diberikan oleh PTPTN kepada pendeposit.
- 17. Soalan:**
Adakah GK layak dikira sebagai simpanan untuk menyertai cabutan kempen PTPTN yang diadakan sepanjang tahun ini?
- Jawapan:**
TIDAK LAYAK, pendeposit perlu membuat simpanan jika ingin menyertai cabutan kempen PTPTN yang telah diadakan sepanjang tahun ini.
- 18. Soalan:**
Adakah GK layak untuk pelepasan taksiran cukai pendapatan di bawah Simpan SSPN?
- Jawapan:**
TIDAK LAYAK, ini adalah kerana GK yang ditawarkan kepada pendeposit tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada pelepasan taksiran cukai pendapatan. Pelepasan yang dituntut adalah terhad kepada amaun tabungan bersih (jumlah simpanan pendeposit) di dalam Simpan SSPN yang dilakukan oleh seseorang individu yang terhad kepada RM8,000 di dalam sesuatu tahun sahaja.
- 19. Soalan:**
Bagaimanakah pendeposit boleh membuat penambahan simpanan **Simpan SSPN Prime**?
- Jawapan:**
Akaun **Simpan SSPN Prime** boleh ditambah melalui aplikasi mudah alih myPTPTN, www.ptptn.gov.my, di kaunter cawangan PTPTN, atau melalui ejen-ejen sah yang telah dilantik.

Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat penuh kempen **Ganjaran Kesetiaan Simpan SSPN Prime 2025**.

Maklumat dikemaskini pada 30 April 2025